

09 OCT 1998

Pemuda-Lantik

DUA NEGERI DAPAT KETUA PEMUDA BARU

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Pulau Pinang Mohd Ismail Mohd Othman dan Naib Ketua Pemuda Umno Negeri Sembilan Shahrul Akram Othman hari ini dilantik sebagai ketua pergerakan itu di negeri masing-masing.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata "pelantikan itu dibuat berdasarkan keutamaan, tugas dan kerja yang perlu dibuat bagi menggerakkan pergerakan itu."

"Saya berharap agar seluruh pimpinan dan anggota-anggota Pergerakan Pemuda di negeri-negeri berkenaan akan menghormati dan menerima keputusan ini dengan memberi sokongan dan kerjasama kepada mereka," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Ismail menggantikan Dr Rahim Ghouse manakala Shahrul Akram menggantikan Ruslan Kassim. Ruslan ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) sejak 21 Sept kerana memudaratkan keselamatan negara.

Majlis Tertinggi Umno yang bermesyuarat Selasa lepas, memecat Rahim dan Ruslan serta lapan lagi anggota kerana menentang parti. Lapan belas orang lagi, termasuk bekas Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Ahmad Zahid Hamidi, diberi surat tunjuk sebab.

Rahim kini dipercayai masih berada di Manila, Filipina. Kedutaan Malaysia di sana mengesahkan Rahim adalah antara beberapa rakyat Malaysia yang terbabit dalam kempen memburuk-burukkan kerajaan.

Hishammuddin turut mengumumkan pelantikan jawatan naib ketua, bendahari dan ketua penerangan Pergerakan Pemuda di kedua-dua negeri berkenaan.

Roslan Saidin yang sebelum ini merupakan bendahari Pemuda Umno Pulau Pinang dilantik sebagai naib ketua manakala jawatan lamanya disandang oleh Liakat Ali Mohamed Ali.

Jawatan Setiausaha dan Ketua Penerangan pergerakan Pemuda Umno negeri itu bagaimanapun kekal disandang oleh Nor Azman Othman dan Raja Munir Shah Raja Mustapha.

Bagi Pemuda Umno Negeri Sembilan, Ketua Penerangannya Shaziman Abu Mansur dilantik sebagai naib ketua manakala tempatnya diisi oleh Ismail Lazim yang sebelum ini menjadi bendahari.

Jawatan bendahari kini dipegang oleh Hashim Rusdi manakala setiausaha kekal disandang oleh Othman Muhammad.

Hishammuddin berkata, beliau akan membuat keputusan tidak lama lagi berhubung kekosongan jawatan Naib Ketua Pemuda Kelantan yang dipegang Dr Wan Hasni Wan Sulaiman yang turut dipecat keanggotaannya dalam Umno.

Dalam hubungan lain, Hishammuddin berkata beliau telah menulis kepada CNN (Cable News Network) bagi menyatakan kebimbangan pergerakan itu mengenai "liputan-liputan yang salah mengenai Malaysia" oleh stesen TV antarabangsa itu.

Katanya stesen itu, pada Isnin lepas, dengan sengaja "memutarbelit kebenaran" apabila melaporkan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah berkata bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mencederakan dirinya sendiri.

Katanya laporan itu menyatakan Dr Mahathir pada awalnya percaya bahawa kecederaan Anwar itu dilakukan sendirinya, tetapi, kemudian, disebabkan oleh penenangan global, mengarahkan supaya satu siasatan bebas dilalukan. Anwar telah mendakwa dipukul polis semasa dalam tahanan (ISA).

Hishammuddin berkata, sebenarnya Dr Mahathir hanya menyebut tentang kemungkinan mencederakan diri sendiri apabila menjawab soalah seorang

wartawan pada akhir temubual (sidang berita) dan bukan pada awalnya.

"Pemuda Umno sangat dukacita dengan laporan yang diputar belitkan dan diada-adakan oleh rangkaian TV antarabangsa itu.

"Kami berpendapat sebuah pertubuhan antarabangsa seperti CNN yang mengaku bersikap profesional dan mendukung standard yang tinggi tidak sepatutnya membuat liputan yang disengajakan dan boleh menimbulkan kerosakkan itu," katanya.

-- BERNAMA

RA WAT